

**TEKS UCAPAN AMANAT REKTOR
PROGRAM ORIENTASI DAN AKU JANJI STAF BARU SIRI 1/2005**

TEMPAT:

**DEWAN PEJABAT HUTAN MELAKA
HUTAN REKREASI AYER KEROH, MELAKA.**

TARIKH :

06 APRIL 2005

TEKS UCAPAN AMANAT REKTOR BAGI PROGRAM ORIENTASI DAN AKU JANJI STAF BARU SIRI 1/2005, PADA 6 APRIL 2005 JAM 9.00 PAGI BERTEMPAT DI DEWAN PEJABAT HUTAN MELAKA, HUTAN REKREASI AYER KEROH, MELAKA.

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT

TERIMA KASIH YANG BERUSAHA SAUDARA
PENGERUSI MAJLIS

YBHG PROF. DR. AZHARI SALEH

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN,

DEKAN-DEKAN FAKULTI DAN PUSAT

SEMUA TETAMU JEMPUTAN

TUAN/PUAN DAN PARA PESERTA YANG DIKASIHI

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MENYATAKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA PAGI INI DENGAN SATU TUJUAN IAITU MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT REKTOR SEMPENA PROGRAM ORIENTASI DAN AKU JANJI STAF BARU KUTKM SIRI 1/2005.

SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA KUMPULAN ORIENTASI INI ADALAH YANG PALING KECIL IAITU HANYA LEBIH KURANG 55 ORANG PESERTA BERBANDING DENGAN PROGRAM – PROGRAM YANG LEPAS MELEBIHI 80 PESERTA. NAMUN TELAH MENJADI PERATURAN UNIVERSITI SERTA SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN PERLU MELALUI PROSES MENANDATANGANI DAN MELAFAZKAN AKU JANJI SEBAGAI IKRAR UNTUK TAAT SETIA, MENURUT PERINTAH DAN BERILTIZAM BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH DEMI AGAMA, BANGSA

DAN NEGARA. SEMOGA DENGAN LAFAZ DAN IKRAR YANG DIBUAT AKAN MEMBAWA KUTKM MENJADI UNIVERSITI YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG. AKU JANJI YANG DILAFAZ DAN DIKRARKAN JANGANLAH DIANGGAP SEBAGAI SATU PAKSAAN BAGI MENJADI OMOKAN KEPADA KAKITANGAN TETAPI IANYA HENDAKLAH DIJADIKAN SEBAGAI SATU DORONGAN KEPADA KITA UNTUK BEKERJA BAGI Mencari dan Mencapai KESEJAHTERAAN DI DUNIA DAN AKHIRAT.

SEBAGAI SEBUAH MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB LEBIH-LEBIH LAGI SEBAGAI SEORANG ISLAM KITA ADALAH DITUNTUT UNTUK BERJAYA DI DUNIA DAN AKHIRAT. ADALAH MENJADI MATLAMAT KITA UNTUK MELIHAT NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN MAKMUR SELARAS DENGAN AMALAN KONSEP ISLAM HADHARI. SETIAP DARI KITA ADALAH

BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KESEJAHTERAAN UMAT DARI SEGI EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK.

SEDARLAH BAHAWA KITA TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN LAIN UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN DI DUNIA DAN AKHIRAT SELAIN DARI BEKERJA DAN BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH. MARILAH KITA TELITI ANTARA KANDUNGAN IKRAR DAN AKU JANJI YANG DITANDATANGANI NANTI IAITU MENUNTUT KEPADA SETIAP WARGA UNIVERSITI UNTUK MENGAMALKAN **BUDAYA KERJA CEMERLANG**. SAYA AMBIL PETIKAN SALAH SATU DARIPADA BARISAN SURAT AKU JANJI YANG BERBUNYI:

STAF AKAN SENTIASA MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN CERMAT, BERSUNGGUH-SUNGGUH, CEKAP, JUJUR, AMANAH DAN BERTANGGUNGJAWAB.

YANG BERBAHAGIA DATO'/PROF/TUAN/PUAN

VISI KUTKM ADALAH UNTUK MENJADI UNIVERSITI TEKNIKAL YANG KREATIF DAN INOVATIF TERKEMUKA DI DUNIA. AMATILAH IKRAR YANG KITA LAFAZKAN DENGAN VISI YANG KITA GARISKAN. IANYA ADALAH SALING LENGKAP MELENGKAPI. STAF PERLU LAH KOMPETEN UNTUK MENYOKONG KEPADA KEJAYAAN VISI UNIVERSITI. SEHUBUNGAN ITU PADA PERINGKAT ASAS INI, KITA MESTILAH BERTEKAD DAN MEMPUNYAI ILTIZAM YANG TINGGI MAHU MELIHAT UNIVERSITI MEMBANGUN DENGAN PESAT, MENCAPAI KEMAJUAN DAN SETERUSNYA MENUJU KEMERCU KECEMERLANGAN.

HARI INI KITA BERKUMPUL TANPA MENGIRA PANGKAT DAN JAWATAN UNTUK SAMA-SAMA MENGHAYATI MAKNA DAN FALSAFAH PROGRAM ORIENTASI DAN AKU JANJI. TANPA MENGIRA JAWATAN, KEDUDUKAN DAN PANGKAT SAMA ADA

KITA SEORANG PROFESOR, PEGAWAI TADBIR, PEMBANTU TADBIR, PEMANDU MAHUPUN PEMBANTU AM RENDAH, PROGRAM ORIENTASI DAN AKU JANJI YANG TELAH BERLANGSUNG SELAMA DUA HARI INI TELAH MEMBAWA TUAN-PUAN MAKNA DAN PENGERTIAN KERJASAMA, KOMUNIKASI, KECEMERLANGAN DAN ETIKA DIRI. MUHASABAH LAH DIRI KITA MELALUI PROGRAM INI DENGAN MENGENEPIKAN SEGALA JURANG PERBEZAAN IDEA DAN PRINSIP HIDUP AGAR PROGRAM INI MAMPU MEMBAWA KITA BERSAMA-SAMA MENUJU KE ARAH SATU TUJUAN IAITU UNTUK MEMBANGUNKAN KUTKM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG BERWIBAWA DAN DIHORMATI.

VISI UNIVERSITI YANG IDEAL YANG KITA WAR-WARKAN AKAN HANYA TINGGAL MENJADI MIMPI SEKIRANYA KITA TIDAK DIDORONG UNTUK BEKERJA SECARA KREATIF, INOVATIF, PINTAR, BIJAKSANA, GIGIH DAN SALING MENGUTAMAKAN KEJAYAANNYA. PERANCANGAN, USAHA DAN

TINDAKAN PERLULAH SEIRING SERTA HENDAKLAH DITERJEMAHKAN DALAM BENTUK APLIKASI DAN AMALAN.

SETIAP STAF KUTKM PERLU MEMPUNYAI JATI DIRI YANG KUKUH UNTUK BERSAING DAN MENJADI JUARA DALAM APA BIDANG SEKALIPUN. KITA MESTI MENONJOLKAN DIRI SEBAGAI JUARA DALAM BIDANG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN, SUKAN, KHIDMAT MASYARAKAT DAN SEBAGAINYA.

JIWA RAGA KITA, KITA TUMPUKAN SEPENUHNYA SUPAYA MENJADI SEBATI BAGI MENGAMALKAN PRINSIP BUDAYA KERJA CEMERLANG. NAMUN BEGITU UNTUK MENGAMALKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG KITA MEMERLUKAN PENGETAHUAN YANG LUAS, KEMAHIRAN YANG TINGGI DAN BERSIKAP KENTAL TANPA MENGALAH KEPADA CABARAN YANG MENDATANG.

SEHARUSNYA KITA BERASA AMAT BERUNTUNG KERANA KITA BEKERJA DALAM SUASANA PEMBELAJARAN. PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI TELAH MEMBUKA PELUANG SELUAS-LUASNYA KEPADA STAF UNTUK MENIMBA ILMU PENGETAHUAN MELALUI KURSUS, SEMINAR, LATIHAN, KONVENSYEN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA SAMA ADA DALAM DAN LUAR NEGARA. KESEMUA INI AKAN MENJADIKAN STAF UNIVERSITI MENIKMATI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAJAT. UNIVERSITI JUGA TIDAK MEMPUNYAI HALANGAN KEPADA STAF YANG BERMINAT UNTUK MENYAMBUNG PELAJARAN SEHINGGA KE PERINGKAT IJAZAH TERTINGGI.

YANG BERBAHAGIA DATO'/PROF/TUAN/PUAN

SEMUA STAF SEHARUSNYA DAPAT MENYUMBANG KEMBALI KEPADA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN UNIVERSITI HASIL DARIPADA PELABURAN UNIVERSITI UNTUK MENINGKATKAN

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN SUMBER MANUSIA INI. ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KEPADA BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA UNTUK TERUS MEMBUAT KAJIAN, PEMANTAUAN DAN ANALISA KEPERLUAN LATIHAN SERTA PENDEDAHAN YANG PERLU DIBERI KEPADA SEMUA STAF UNIVERSITI. SATU *CARIER PATH* BERDASARKAN KEPENTINGAN JAWATAN DAN PERSONEL PERLU DIWUJUDKAN BAGI MEMASTIKAN SEMUA STAF UNIVERSITI BETUL-BETUL DILENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU PENGETAHUAN YANG PERLU DAN BERGUNA.

NAMUN BEGITU KEPENTINGAN MENINGKATKAN KUALITI *SPIRITUAL* JANGAN DIPANDANG RINGAN. ATAS KESEDARAN INILAH UNIVERSITI TELAH MENUBUHKAN UNIT KEROHANIAN, KEBUDAYAAN DAN SAHSIAH BAGI MEMBENTUK SUMBER MANUSIA YANG MAMPAN KEPERIBADIANNYA. UNIT INI SEHARUSNYA MENJADI PELENGKAP KEPADA KEKOSONGAN YANG

DITINGGALKAN SELEPAS KITA MENYUSUN KEKUATAN DARI SEGI ILMU DAN KEMAHIRAN.

DALAM STRUKTUR ORGANISASI UNIVERSITI YANG BARU, KITA JUGA TELAH MENUBUHKAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI. UNIT INI DITUBUHKAN BUKAN BERTUJUAN MENGURUSKAN STAF YANG MENGHADAPI *STRESS* TETAPI LEBIH KEPADA PERSIAPAN UNTUK MEMPERTINGKAT DAN MEMPERKASAKAN KETAHANAN MENTAL SEMASA BERTUGAS.

NAMUN BEGITU KITA TIDAK BOLEH MENAFIKAN BAHAWA DALAM SETANDAN KELAPA MUNGKIN ADA YANG *KOMENG* ATAU ROSAK. JANGANLAH KITA SALING TUDUH-MENUDUH KEPADANYA TETAPI MARILAH KITA BERSIKAP TERBUKA UNTUK MELIHAT KEKUATAN YANG ADA PADANYA DARIPADA KITA ASYIK MELIHAT KEBURUKAN YANG DITUNJUKKAN. SAYA PERCAYA BAHAWA SEMUA MANUSIA DIJADIKAN OLEH ALLAH

DENGAN KELEBIHAN MASING-MASING. KALAU LAH MEREKA INI TIDAK MEMPUNYAI KELEBIHAN TENTU KITA TIDAK MENGAMBIL MEREKA BEKERJA DI KUTKM INI.

SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA HANYA MEREKA YANG BETUL-BETUL BERWIBAWA SAHAJA YANG DAPAT MENEMPATKAN DIRI DI KUTKM INI, KALAU TIDAK NESCAYA MEREKA TELAH GAGAL SEMASA PROSES PENGAMBILAN PEKERJA. KITA MENERIMA RIBUAN PERMOHONAN BEKERJA DI KUTKM APABILA SATU-SATU IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DIBUKA SEDANGKAN JUMLAH YANG DIPERLU TIDAK MELEBIHI 200 KEKOSONGAN.

BERBAGAI CARA DAN KAEDAH DIGUNAKAN OLEH PEMOHON UNTUK MENEMPATKAN DIRI BEKERJA DI UNIVERSITI INI. MALAH ADA YANG BEBERAPA KALI MEMBUAT RAYUAN UNTUK DAPAT BEKERJA DI KUTKM INI. BEGITULAH KEHEBATAN KUTKM PADA MATA KASAR MASYARAKAT

SETEMPAT. BEGITULAH BETAPA ISTIMEWANYA KUTKM INI SEHINGGAKAN PARA PEMOHON SANGGUP BERBARIS PANJANG DI PEJABAT PENDAFTAR WALAUPUN WAKTU PEJABAT BELUM DIBUKA HANYA SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN.

TETAPI KITA TERPAKSA MENGECEWAKAN LEBIH RIBUAN PERMOHONAN LAIN KERANA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA TUAN/PUAN YANG TERPILIH HARI INI. ADAKAH TUAN/ PUAN RASA TERPILIH BEKERJA DI KUTKM INI ADALAH KERANA FAKTOR NASIB? MUNGKIN, TETAPI SAYA LEBIH PERCAYA IANYA ADALAH TAKDIR YANG TELAH DITENTUKAN. NAMUN BEGITU SEBELUM TAKDIR MENENTUKAN NASIB TUAN/ PUAN BEKERJA DI UNIVERSITI INI, PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI TELAH MENYARING DAN MEMPERTIMBANGKAN PELBAGAI SUDUT DAN DIMENSI UNTUK MENENTUKAN TAKDIR TUAN/ PUAN BEKERJA DI

UNIVERSITI INI DAN TUAN/ PUAN ADALAH YANG TERBAIK.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KERANA TUAN/ PUAN TELAH TERPILIH. UNTUK ITU JANGANLAH TUAN/ PUAN CEPAT BERPUAS HATI DENGAN PENENTUAN TAKDIR TADI. SEKARANG INI, TAKDIR ITU TADI TELAH MEMPERTANGGUNGJAWABKAN TUAN/ PUAN DENGAN AMANAH YANG LEBIH BESAR IAITU UNTUK MENGISI KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN OLEH UNIVERSITI DAN MASYARAKAT MALAYSIA KESELURUHANNYA.

YANG BERBAHAGIA DATO'/PROF/TUAN/PUAN

JANGANLAH KITA TANYA APAKAH SUMBANGAN UNIVERSITI KEPADA KITA SETELAH SEKIAN BANYAK SUMBANGAN DAN PELUANG YANG DIBERIKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI KEPADA KITA

TETAPI TANYALAH PULA APAKAH SUMBANGAN KITA KEPADA UNIVERSITI SETELAH PELUANG INI DIBERIKAN. KITA BEKERJALAH BERSAMA-SAMA SEBAGAI SEBUAH PASUKAN YANG MANTAP DAN MAMPU MENGHARUNGI APA JUA RINTANGAN. MARILAH KITA BERGANDING BAHU DAN MERAPATKAN BARISAN UNTUK MEMIKUL AMANAH YANG DIBERIKAN KEPADA KITA.

ALHAMDULILLAH KITA PANJATKAN KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZINYA KITA TELAH BERJAYA DIANUGERAHKAN PERSIJILAN MS ISO 9001 : 2000 BAGI KUALITI DAN PENGURUSAN DALAM SKOP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PADA TAHUN INI. ITU ADALAH RINTANGAN YANG BUKAN MUDAH UNTUK DIHADAPI SEKIRANYA KITA TIDAK MELALUINYA BERSAMA-SAMA.

SELEPAS INI KITA PERLU LAH LEBIH BERTEKAD UNTUK MENDAPAT DAN MEMPERLUASKAN PERSIJILAN ISO KEPADA SKOP

YANG LAIN SEHINGGALAH KEPADA KESELURUHAN PENGURUSAN UNIVERSITI. KITA PERLU YAKIN BAHAWA **KUTKM BOLEH!!!**. PADA USIA 4 TAHUN PENUBUHANNYA KINI, SEHARUSNYA KITA BOLEH BERBANGGA KERANA DIANUGERAHKAN PERSIJILAN ISO PADA USIA YANG BEGITU MUDA. TETAPI IA BUKANLAH NOKTAH KEPADA PERJUANGAN UNTUK MENEMPAH LEBIH BANYAK KEJAYAAN-KEJAYAAN LAIN. KEJAYAAN INI HANYALAH PERMULAAN YANG AKAN MENJADI PENDORONG KEPADA KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR DAN LEBIH BERMAKNA.

YANG LEBIH PENTING DAN PERLU DIUTAMAKAN PADA KETIKA INI ADALAH MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN TERHADAP KUALITI PROGRAM AKADEMIK YANG KITA TAWARKAN. KITA MASIH LAGI DALAM PROSES MEMOHON AKREDITASI DARIPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI DAN ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL (EAC). KITA PERLU MENDAPATKAN

AKREDITASI DARI SEMUA JABATAN DAN AGENSI TERSEBUT SEBELUM GRADUAN KITA MEMASUKI PASARAN DAN BERSAING UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN.

TANGGUNGJAWAB UNTUK MENDAPATKAN AKREDITASI DAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM AKADEMIK BUKAN SAHAJA TERLETAK KEPADA PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI SAHAJA TETAPI JUGA KEPADA SEMUA FAKULTI DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB.

SEKIRANYA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG MENJADI FUNGSI TERAS KEPADA UNIVERSITI TIDAK DAPAT KITA LAKSANAKAN SEBAIKNYA, MAKA TIDAK ADA MAKNANYA UNIVERSITI YANG KITA BINA DAN KITA BANGGAKAN YANG MEMPUNYAI BANGUNAN TERSERGAM INDAH, BERTEKNOLOGI TERKINI DAN BERPRASARANA HEBAT KERANA SEMUANYA ITU

TIDAK AKAN MEMBERI MAKNA KEHEBATAN TANPA DISUSULI KEJAYAAN..

YANG BERBAHAGIA DATO'/PROF/TUAN/PUAN

GRADUAN KITA PERLU MENJADI REBUTAN DARIPADA PARA MAJIKAN. KITA MAHU SEBELUM GRADUAN KITA TAMAT BELAJAR SUDAH ADA MAJIKAN YANG MEMINTA MEREKA BEKERJA DI SYARIKAT – SYARIKAT MEREKA. KALAU BOLEH KITA MAHU MEREKA MERAYU UNTUK MENDAPATKAN GRADUAN KUTKM BEKERJA DENGAN MEREKA. KITA AKAN BERTAMBAH BANGGA LAGI SEKIRANYA SYARIKAT-SYARIKAT MULTINATIONAL DAN INTERNATIONAL MENGAMBIL MEREKA BEKERJA KERANA KEPERCAYAAN KUALITI PRODUK PELAJAR YANG KITA HASILKAN.

INILAH CABARAN YANG PERLU KITA TEMPUH BERSAMA DAN PENGANTARABANGSAAN AKAN

MENJADI REALITI. INILAH CABARAN YANG PERLU KITA JADIKAN REALITI BAGI MENGISI GLOBALISASI. STAF DAN SELURUH PELAJAR PERLU BERGANJAK KE SATU PARADIGMA BARU DAN MENGUASAI DIMENSI YANG LEBIH LUAS SERTA MENYELURUH.

KALAU INI BOLEH DILAKUKAN MAKA KITA TIDAK PERLU BIMBANG UNTUK MENEMPATKAN DIRI SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG MEMPUNYAI **RATING** (PENARAFAN) YANG TERTINGGI SEPERTIMANA YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAH DENGAN BERLAPANG DADA KITA MENGALU-ALUKAN PENARAFAN YANG INGIN DIBUAT. IANYA KERANA KITA YAKIN MAMPU UNTUK MENEMPATKAN DIRI SEBAGAI UNIVERSITI YANG AKAN MENDUDUKI KELOMPOK UNIVERSITI BERPRESTASI TINGGI DI DUNIA.

SEBELUM KITA MAMPU MENCAPAI SEGALA IMPIAN INI MAKA SELURUH WARGA UNIVERSITI

JANGAN MEMANDANG MUDAH UNTUK MELAKSANAKAN **PELAN STRATEGIK UNIVERSITI** YANG KITA GARISKAN SEBAGAI PANDUAN DAN HALATUJU UNIVERSITI DALAM TEMPOH 2004-2015. SETIAP LANGKAH YANG AKAN DAN TELAH KITA AMBIL DALAM PELAN STRATEGIK UNIVERSITI PERLU DITELITI YANG KEMUDIANNYA DIPERINCI DAN DIPERHALUSI DAN AKHIRNYA AKAN MENJADI *INDICATOR* KEPADA PENCAPAIAN UNIVERSITI.

SEKIRANYA *INDICATOR* ITU MENUNJUKKAN *TREND* PERKEMBANGAN YANG POSITIF MAKA SELURUH WARGA UNIVERSITI BERHAK MENDAPAT PUJIAN DAN PENGIKTIRAFAN. NAMUN SEBALIKNYA SEKIRANYA *INDICATOR* ITU MENUNJUKKAN *TREND* KE ARAH KEMEROSOTAN MAKA SEHARUSNYA SELURUH WARGA UNIVERSITI PERLU MELIHAT DAN MERENUNG KEMBALI UNTUK MENILAI KELEMAHAN DAN KESILAPAN YANG TELAH KITA LAKUKAN.

JADILAH KITA DALAM SATU KUMPULAN DAN BARISAN YANG TEGUH UNTUK MENEMPUH GELOMBANG PEMBAHARUAN. INILAH TUGAS YANG LEBIH BERAT UNTUK KITA ISIKAN SELEPAS PERJUANGAN MENUBUH DAN MEMBANGUNKAN UNIVERSITI YANG TERSERGAM INDAH. *KATA PEPATAH BULAT AYER KERANA PEMBENTUNG, BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT. BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH.*

YANG BERBAHAGIA DATO'/PROF/TUAN/PUAN

SEBAGAI KESIMPULANNYA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENYERU DAN MENGGESA KEPADA DIRI SAYA DAN SEMUA WARGA KAMPUS SUPAYA KITA DAPAT MEMBUAT MUHASABAH DIRI DAN MENGAKU SEJUJURNYA TERHADAP KEMAMPUAN DIRI KITA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG TELAHPUN DILETAK KE ATAS BAHU KITA. SETIAP DARI KITA ADALAH PEMIMPIN. KITA

ADALAH PEMIMPIN KEPADA MASYARAKAT KITA,
KELUARGA KITA, ORGANISASI KITA, DIRI KITA,
PELAJAR KITA DAN SEMUA YANG TELAH
DIAMANAHKAN KEPADA KITA.

SETIAP PEMIMPIN NANTI AKAN
DIPERSOALKAN OLEH ALLAH DI AKHIRAT NANTI
TENTANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG
TELAH KITA LAKSANAKAN. OLEH ITU MARILAH
KITA BEKERJA DENGAN TEKUN DAN AMANAH
SUPAYA IANYA MELAHIRKAN KEPUASAN DIRI DAN
MASYARAKAT SEPERTIMANA YANG KITA IKRAR
DAN LAFAZKAN DALAM AKU JANJI. PEMBANGUNAN
UNIVERSITI AKAN TERUS MAJU KEHADAPAN,
SEJAHTERA, AMAN DAN DAMAI.

SAYA AKHIRI UCAPAN SAYA PADA PAGI INI DENGAN
TIGA RANGKAP PANTUN.

APA GUNA BERKAIN BATIK
KALAU TIDAK DENGAN SUCINYA
APA GUNA STAF YANG CANTIK
KALAU TIDAK BERANI HATINYA

CUACA GELAP SEMAKIN REDUP
MASAKAN BOLEH KEMBALI TERANG
GIGIH BERUSAHA AMALAN HIDUP
PASTI UNIVERSITI KEKAL CEMERLANG

DAYUNG PERAHU TUJU HALUAN
HALUAN MENUJU KE RUMAH BONDA
BIARLAH NYAWA JADI TARUHAN
KUTKM PASTI MENUJU JAYA.